**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 30 JULAI 2017 (AHAD)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - MOHON PERMIT | 41 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>30 JULAI 2017 (AHAD) | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | MOHON PERMIT |
| Muka Surat | 41 |

HM 30/7/17
M/S 41.

# MOHON PERMIT

## MPAJ halang wanita buka but kereta niaga nasi lemak selepas kisah jadi tular

Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

"Saya akan cuba membuat permohonan mendapatkan permit perniagaan pada Isnin bagi membolehkan kami berniaga," kata Nur Ain Kadir, 30, peniaga nasi lemak yang membuka but kereta di sebuah stesen minyak di Ampang.

Kisah Nur Ain yang berniaga nasi lemak sambil menjaga tiga anaknya termasuk seorang berada dalam kendongan di tepi jalan berhampiran sebuah stesen minyak tular di laman sosial.

Ibu kepada lima anak berusia setahun hingga 13 tahun itu berkata, sebaik perkara berkenaan menjadi tular, dia mengakui dihalang berniaga di situ oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), kira-kira jam 5 petang, kelmarin ketika mahu membuka perniagaan.




LAPORAN Harian Metro, semalam.

"Saya baru buka but kereta dan orang ramai tidak sempat membeli lagi, tiba-tiba datang penguat kuasa MPAJ meminta saya beredar dari kawasan berkenaan berikutan ia bukan kawasan perniagaan.

"Akur dengan arahan berkenaan, saya beredar dan berpusing di kawasan sekitar sehinggalah saya terjumpa kawasan parkir di sebuah hospital di Ampang.

"Pemilik stesen minyak berkenaan turut meminta saya menghantar nasi lemak setiap pagi untuk diletakkan di premis ini bagi membantu saya sekeluarga," katanya.

> "Pemilik stesen minyak berkenaan turut meminta saya menghantar nasi lemak setiap pagi untuk diletakkan di premis ini bagi membantu saya sekeluarga"
>
> *Nur Ain*